



12 APR, 2021

Peniaga usah ambil kesempatan naik harga

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2



SULAIMAN (kanan) mengedarkan poster pembudayaan norma baharu kepada peniaga pada Pelancaran Pasar Tani Pra Ramadan Peringkat Melaka 2021 di Merlimau, semalam.

Peniaga usah ambil kesempatan naik harga

Jasin: Amaran keras diberikan supaya peniaga di negeri ini tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barangan sesuka hati sepanjang Ramadan dan menjelang Aidilfitri.

Ketua Menteri Datuk Seri Sulaiman Md Ali berkata, langkah itu bagi memastikan pengguna tidak menjadi mangsa ditambah dengan keadaan ekonomi tidak menentu kini.

Beliau berkata, kerajaan negeri sudah meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri untuk melakukan pemantauan di semua pasar dan bazar Ramadan.

“Saya mohon semua peniaga tidak kira di bazar

Ramadan atau pasar tani tidak menaikkan harga kerana dalam keadaan ekonomi tidak menentu dan sukar ini, saya tidak mahu pengguna terkesan.

“Saya sudah memaklumkan kepada KPDNHEP untuk memantau harga supaya ia berpatutan kerana kita masih lagi terkesan dengan pandemik Covid-19,” katanya pada Pelancaran Pasar Tani Pra Ramadan Peringkat Melaka 2021 di Merlimau di sini, semalam.

Hadir sama, Ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Datuk Ghazale Muhamad dan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam dan Infrastruktur negeri, Datuk Roslan Ahmad.



12 APR, 2021

Peniaga usah ambil kesempatan naik harga

Harijan Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Jasin: Amaran keras diberikan supaya peniaga di negeri ini tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barangan sesuka hati sepanjang Ramadan dan menjelang Aidilfitri. Ketua Menteri Datuk Seri Sulaiman Md Ali berkata, langkah itu bagi memastikan pengguna tidak menjadi mangsa ditambah dengan keadaan ekonomi tidak menentu kini. Beliau berkata, kerajaan negeri sudah meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri untuk melakukan pemantauan di semua pasar dan bazar Ramadan.